

## Rakyat bukan ayam, itik!

**TPM tempelak dakwaan BRIM dedak daripada kerajaan**

RIDAUDDIN DAUD

LENGKONG

**T**imbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menempelak kenyataan sesetengah pihak melabelkan BRIM sebagai dedak daripada kerajaan untuk rakyat.

Menurutnya, pada tahun lalu sahaja lebih 600,000 rakyat Perak menerima BRIM melibatkan peruntukan berjumlah RM605 juta yang

telah diagihkan sepenuhnya kepada rakyat.

Tegasnya, wang itu bukanlah 'gula-gula pilihan raya' malah pihak melabelkan BRIM sebagai dedak sebenarnya telah melakukan satu bentuk penghinaan kepada rakyat.

"Adakah wang berjumlah RM605 juta (BRIM untuk rakyat Perak) ini dedak atau gula-gula atau hanya taburan untuk ayam itik? Jangan hina rakyat sebagai ayam, itik dengan berikan dedak."

"Untuk Parlimen Lenggong pula ada lebih 11,000 penerima melibatkan wang berjumlah RM10.5 juta. Adakah ini dedak?"

"Jangan hina orang Lenggong, jangan hina orang Perak, jangan hina rakyat Malaysia yang terima BRIM kerana kita semua rakyat Malaysia yang berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi BRIM ini," katanya ketika berucap di hadapan ribuan rakyat Lenggong semasa merasmikan Program Bantu Rakyat dan Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lenggong,



Ahmad Zahid (dua, kanan) melihat model PPR Lenggong selepas merasmikan majlis pecah tanah projek itu, semalam.

info

### • Bukan 'gula-gula' pilihan raya

di sini, semalam.

Beliau berkata, perbezaan parti politik bukan kriteria diambil kira bagi menentukan rakyat layak mendapat

BRIM kerana pemerintah mestilah berlaku adil kepada rakyatnya.

"Kalau kita sebut syukur tapi tak berterima kasih kepada pemberi bantuan, ertinya kita tidak bersyukur kepada ALLAH.

"Yang usahakan projek di sini (PPR Lenggong) adalah pemimpin

atasan di sini. Untuk bersyukur kepada ALLAH, perlu berterima kasih kepada mereka yang beri dan usahakan projek ini.

"Jadi, janganlah beri Lenggong kepada orang lain, berilah kepada kami (BN) kerana kita dah bantu rakyat secara keseluruhannya," ujarnya.